

24 SEP 1998

Rahim-Siasat

DUA LELAKI DIPERCAYAI TERLIBAT SKANDAL SEKS ANWAR DISIASAT

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Polis sedang menyiasat dua lelaki yang disebut oleh bekas Ketua Polis Negara (KPN) Tun Haniff Omar sebagai terlibat dalam skandal seks dengan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor berkata hari ini kedua-dua lelaki itu, seorang warganegara asing dan seorang "pondan" yang disebut oleh Haniff kini termasuk dalam siasatan polis yang sedang dijalankan.

Ketika ditanya sama ada keterangan kedua-dua mereka telah diambil, Abdul Rahim berkata; "Saya fikir ia adalah termasuk dalam penyiasatan polis yang sedang dijalankan".

Abdul Rahim bagaimanapun enggan mengulas sama ada warganegara asing yang disebut terlibat dalam skandal seks itu masih berada di negara ini.

"Saya tak dapat jelaskan kerana ia masih dalam siasatan", katanya pada persidangan berita di Balai Polis Kelana Jaya, Petaling Jaya.

Haniff dipetik sebagai berkata semalam bahawa beliau mempunyai bukti seks luar tabii Anwar sejak tahun 1993 dan pernah menasihati Anwar supaya menghentikan perbuatan itu.

Selasa lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau pernah dimaklumkan mengenai kegiatan homoseksual Anwar beberapa tahun lepas oleh Haniff yang ketika itu masih memegang jawatan sebagai KPN.

Menurut Perdana Menteri, Haniff memaklumkan kepadanya mengenai perkara itu sebelum bersara tetapi beliau menolaknya kerana menganggap ia dakwaan palsu.

Abdul Rahim berkata Haniff hanya memberitahu perkara sebenar apabila beliau memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai kegiatan Anwar, dan Haniff tahu apa yang diperkatakannya.

Beliau berkata Haniff yang ketika itu Ketua Polis Negara banyak mengetahui latar belakang Anwar sejak Anwar menjadi pemimpin pelajar pada tahun 60-an terutama masalah yang ditimbulkannya.

-- BERNAMA

SLR NMO